



SEBAHAGIAN kereta Kancil yang menyertai pameran kenderaan Konvensyen Keusahawanan Islam, USIM.



KUMPULAN Feel Heart menghiburkan penonton pada Majlis Makan Malam Amal.

iCEPS 2009 latih usahawan

AUTO/MOTORSHOW menjadi tarikan utama sepanjang Konvensyen Keusahawanan Islam (iCEPS) anjuran Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 5 hingga 8 Februari lalu.

Konvensyen bertemakan Selangkah ke arah Membangunkan Keusahawanan (*A Step Towards Developing Entrepreneurship*) diadakan di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan.

Antara program yang turut menjadi perhatian adalah PC Fair, bengkel kraftangan, pertandingan mewarna dengan kehadiran maskot Upin dan Ipin, forum perdana dan gerai jualan.

Antara objektif konvensyen adalah memberi pengetahuan dan pemahaman yang jelas kepada peserta berkaitan keusahawanan dan konsep pelaksanaannya.

Ia juga sebagai satu usaha merealisasikan agenda kerajaan iaitu meningkatkan golongan usahawan di kalangan bumiputera dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan serta perkembangan ekonomi negara.

Perasmian pembukaan disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa

Peristiwa

USIM, Prof. Datuk Dr. Muhammad Muda.

Salah satu pengisian konvensyen Keusahawanan Islam ini ialah Malam Anugerah dan Makan Malam Amal sempena Majlis Perasmian Penutup iCEPS 2009.

Program ini dijalankan dengan berkonsepkan Makan Malam Korporat dan merupakan program julung kali diadakan.

Turut hadir pada Malam Anugerah dan Makan Malam Amal itu ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Usahawan) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Mohd. Hashim Abdullah yang turut merasmikan perasmian penutup mewakili Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD), Datuk Noh Omar.

Dalam ucapannya, Noh menekankan keyakinan kerajaan terhadap keupayaan dan sumbangan besar produk ekonomi dan kewangan Islam yang ternyata memberi manfaat kepada pembangunan

ekonomi negara, umat Islam dan masyarakat Malaysia seluruhnya.

"Antara pendekatan yang perlu diberi perhatian adalah sektor ijtima' (masyarakat), sebagai satu daripada sektor dalam sistem ekonomi Islam (muamalat) yang sama pentingnya dengan sektor kerajaan dan swasta.

"Justeru, unsur terpenting yang menjadi tonggak kekuatan sektor ijtima' ialah zakat, wakaf dan sedekah jariah," katanya.

Sempena dengan Majlis Makan Malam amal ini,

jualan meja turut diadakan dan sebahagian dana akan disalurkan ke Rumah Anak Yatim Aminan Empangan, Negeri Sembilan.

Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan artis terkenal seperti Amy Search, lagu nasyid oleh kumpulan *Feel Heart*, deklamasi sajak dan puisi serta kutipan dana Amal untuk Palestin.

ASAH BAKAT... Sebahagian kanak-kanak yang menyertai pertandingan mewarna.

